

JAWAPAN

TEMA
12

Tuah di Bumi Permata

PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Ayat	Maksud ayat
1. Dengan melakukan aktiviti-aktiviti berasaskan pertanian, seseorang itu mampu menjana pendapatan yang lebih besar dan bukan sekadar untuk keperluan diri sahaja.	Bidang pertanian sesuai dijalankan oleh semua lapisan umur.
2. Pertanian juga bukan hanya untuk petani-petani yang sudah lanjut usianya.	Bidang pertanian dapat meningkatkan taraf hidup seseorang.

PBD Kemahiran Membaca

Banyak produk makanan terbaharu berasaskan tanaman dan bahan setempat dipasarkan di negara kita. Antaranya termasuklah keropok lekor cendawan. Produk ini mengandungi beberapa ciri istimewa yang diyakini dapat menambat selera masyarakat. Ciri keropok lekor cendawan yang pertama adalah lembut. Hal ini menyebabkan keropok ini tidak mudah terlerai. Selain itu, keropok lekor cendawan mengandungi serat yang dapat membantu penghadaman seseorang. Pengambilan serat dalam makanan akan mengurangkan risiko kesihatan, seperti gastrik, obesiti, dan sebagainya. Bagi penggemar makanan ringan, keropok

lekor cendawan juga tidak mengandungi kandungan lemak dan kolesterol yang tinggi. Hal ini baik untuk kesihatan. Keropok lekor cendawan mempunyai jangka hayat selama satu tahun sekiranya disimpan dalam suhu 20 darjah selsius.

PBD Aspek Tatabahasa

Rajan memuji Suhairi yang rajin berkebun. Setelah itu, dia bertanyakan aktiviti yang sedang dilakukan oleh Suhairi pada masa itu. Suhairi menjelaskan kepada Rajan bahawa dia sedang membaja anak-anak pokok bunga dan pokok rambutan. Rajan memuji Suhairi lagi kerana pokok itu bukan sahaja subur-subur, malahan Suhairi pandai menjaga tanaman tersebut. Suhairi memberitahu Rajan bahawa dia mendapat tunjuk ajar daripada ayahnya untuk menjaga tanaman dengan baik dan ayahnya memang suka berkebun sejak remaja kerana hobi berkebun banyak memberikan faedah. Suhairi menjelaskan bahawa antara faedah berkebun ialah badan kita dapat mengeluarkan peluh apabila kita melakukan kerja-kerja mencangkul tanah untuk menanam pokok, membubuh baja, membersihkan kawasan kebun, dan sebagainya. Rajan menjawab bahawa badan ayah Suhairi sihat dan cergas sahaja, berpadananlah dengan hobinya itu. Seterusnya, Rajan bertanyakan faedah lain yang diperoleh oleh Suhairi dengan berkebun. Suhairi menjawab bahawa dia dapat menikmati hasil tanaman di kebun itu. Dia juga berasa bangga kerana dapat mengisi masa lapangnya dengan melakukan aktiviti yang bermanfaat. Setelah mendengar kata-kata Suhairi itu, Rajan menyatakan bahawa Suhairi juga dapat berjimat cermat kerana tidak perlu membeli buah rambutan dan buah-buahan lain. Suhairi bersetuju dengan kata-kata Rajan. Suhairi memberitahu Rajan bahawa berkebun juga dapat memupuk perasaan cinta akan alam sekitar. Rajan ingin berkebun juga setelah mendengar kata-kata Suhairi itu lalu meminta diri daripada Suhairi kerana hendak mengajak emaknya membeli benih pokok. Dia berharap akan berjumpa lagi dengan Suhairi.